

KPT anjur kejohanan silat

BATUPAHAT - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) menganjurkan Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri edisi Ke-3, 2012.

Pertandingan yang berlangsung pada 17 hingga 22 September ini bertempat di pusat membeli belah Square One, Batu Pahat Johor, di mana UTHM telah menjadi tuan rumah kejohanan berprestij itu.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, kali ini sebanyak 43 institusi pengajian tinggi (IPT) merangkumi 16 universiti awam, tujuh politeknik, empat kolej komuniti dan tujuh IPT swasta akan menyertai kejohanan itu.

"Selebihnya disertai oleh sembilan IPT luar negara iaitu dari Belanda, Belgium, Brunei, Indonesia, Laos, Singapura, Thailand, United Kingdom dan Vietnam.

"Selain itu, terdapat juga penyertaan daripada peserta antarabangsa dari negara Brunei, Indonesia, Somalia dan Yaman yang masih menuntut di beberapa IPT di Malaysia.

"Kejohanan pencak silat kali ini melibatkan seramai 600 orang pesilat iaitu 520 peserta datang daripada IPT tempatan manakala 80 lagi dari IPT luar negara.

Katanya, kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri ini merupakan satu kejohanan utama tahunan yang dianjurkan oleh KPT dengan kerjasama UTHM selaku pusat sukan tumpuan acara silat olahraga.